

# LESEN DIBAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (DOBI) KOTA KINABALU , 1966



## JENIS LESEN

- DOBI/LAUNDRY

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Melengkapkan borang permohonan lesen Berniaga dan Lesen DBKK.
- Berusia 18 tahun ke atas, penduduk tempatan/tetap negeri Sabah atau memiliki pas kerja bagi penduduk Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagi warganegara asing hendaklah melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki pas kerja.
- Pemohon diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan dan memiliki sijil kesihatan sebelum lesen dikeluarkan.
- Pemohon adalah dikehendaki untuk mengemukakan pelan pengubahsuaian premis ke Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKK untuk kelulusan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan.
- Semua aliran air hendaklah disalurkan ke manhole.
- Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan sebelum lesen dikeluarkan.

## DOKUMEN SOKONGAN

### DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERSEORANGAN / PERKONGSIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen bermula jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan pemohon
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

**Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal**

Dewan Bandaraya  
Kota Kinabalu



**DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI SDN.BHD / BERHAD ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan atau disewa (serta salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan bagi pengurus
3. Pelan lantai dan pelan lokasi
4. Salinan sijil pendudukan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan terhadap premis.
5. Borang 49 dan Borang 9
6. Pas Kerja sekiranya pemohon bukan penduduk tetap Negeri Sabah
7. Suratkuasa dari syarikat bagi Pengurus yang dilantik, sekiranya pengurus adalah bukan salah satu pengarah syarikat.
8. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

***Semua salinan dokumen yang disertakan hendaklah disahkan benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Jaks Pendamai / Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal, manakala Borang 9 Dan 49 Yang Disahkan Oleh Setiausaha Syarikat.***

**KADAR LESEN**

- RM 50.00/ sebulan

**Dewan Bandaraya  
Kota Kinabalu**

